



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
CAWANGAN TAWAU
TINGKAT 4, WISMA PERSEKUTUAN
91000 TAWAU, SABAH.**

Tel : 089-775 620, 775 621, 762 750
Faks : 089-773 688
Web : <http://www.anm.gov.my/index.php/utama-tawau>

Ruj. Kami: JANM.TAW.600-1Jld3(37)
Tarikh : 27 Mei 2022

Ketua Jabatan
Pusat Tanggungjawab (PTJ),
Tawau/Kunak/Semporna/Lahad Datu

Tuan/Puan,

PENGEMASKINIAN JADUAL PENETAPAN KUASA DAN TUGAS PEGAWAI PENGAWAL KEPADA PEGAWAI PERAKAUNAN DI BAWAH KAWALAN ARAHAN PERBENDAHARAAN 11 (AP11)

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Berdasarkan penemuan Naziran oleh Unit Naziran Jabatan Akauntan Negara Malaysia Cawangan Tawau ke atas PTJ, mendapati PTJ kurang mengambil perhatian berkenaan Jadual Penetapan Kuasa dan Tugas Pegawai Pegawal kepada Pegawai Perakaunan dibawah kawalannya (AP11). Hal ini menyebabkan berlakunya penemuan berulang berkenaan Jadual AP11 yang tidak dikemaskini oleh PTJ khususnya berkaitan pengurusan emolumen.
3. Untuk makluman tuan/puan, selaras dengan AP11, yang menyatakan bahawa kewajipan kewangan dan perakaunan bagi pegawai-pegawai bawahan yang bekerja di bawah seseorang Pegawai Pengawal mestilah dinyatakan dengan jelas olehnya, dan khususnya setakat mana mereka itu dibenarkan menjalankan bagi pihaknya. Selain itu, tugas-tugas yang menjadi tanggungjawabnya mestilah dinyatakan dengan bertulis.
4. Sehubungan dengan itu, JANM Tawau ingin memaklumkan dan mengingatkan kepada semua PTJ agar mengemaskini Jadual AP11 sekiranya terdapat perubahan ke atas pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan dan perakaunan di bawah seliaan tuan/puan mengikut peraturan yang telah ditetapkan.
5. Tuan/puan hendaklah mematuhi peraturan yang telah ditetapkan dengan merujuk kepada **AP11, SPANM BILANGAN 6 TAHUN 2018 - TATACARA PENGURUSAN PENETAPAN KUASA DAN TUGAS PEGAWAI PENGAWAL KEPADA PEGAWAI PERAKAUNAN DI BAWAH KAWALANNYA (ARAHAN PERBENDAHARAAN 11 dan dibaca bersama SPANM BILANGAN 1 TAHUN 2020 - TATACARA PENGURUSAN BAYARAN EMOLUMEN PEGAWAI AWAM PERSEKUTUAN).**

Ruj. Kami: JANM.TAW.600-1Jld3(37)
Tarikh : 27 Mei 2022

6. Kerjasama dan perhatian tuan/puan selaku Ketua Jabatan berkenaan perkara ini amatlah dihargai agar isi-isu yang berlaku tidak berulang lagi pada masa hadapan serta mematuhi peraturan kewangan dan perakaunan semasa yang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

Saya yang menjalankan amanah

Yafa.
(HASNITA BINTI SAUNG)
Ketua Seksyen Pengurusan
b.p Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Cawangan Tawau